

Pusat Sukan UMP anjur Sukan Pantai dan Tasik



Pekan, 4 April –Penganjuran Sukan Pantai dan Kayak Antara Fakulti UMP 2015 yang berlangsung di Gelanggang Sukan Pantai dan Tasik UMP Kampus Pekan mendapat sambutan apabila seramai 432 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil bahagian dalam sukan yang buat julung kalinya diadakan ini. Kejohanan anjuran Pusat Sukan UMP ini mendapat kerjasama daripada Majlis Sukan Pelajar UMP menyaksikan lima acara sukan dipertandingkan iaitu Bola Tampar Pantai, Bolasepak Pantai, Bola Jaring Pantai, Sepak Takraw Pantai dan Kayak.



Menurut Ketua Pusat Sukan, Mohd. Aznorizamin Ismail berkata, cuaca panas terik tidak menghalang semangat juang peserta dalam merebut kejuaraan dalam mengharumkan nama fakulti masing-masing di kejohanan sukan ini.

"Kejohanan ini juga merupakan inisiatif Pusat Sukan UMP bagi menyemarakkan aktiviti sukan bukan sahaja di Kampus Gambang malahan di Kampus Pekan," katanya.



Beliau berkata, kejohanan ini juga merupakan persediaan bagi pemilihan atlit UMP bagi menghadapi Kejohanan Sukan Pantai Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang bakal diadakan sekitar bulan Mei 2015 di Teluk Cempedak.

Kejohanan dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin yang menyempurnakan `kick off' sebagai gimik acara perasmian.

Johan keseluruhan Kejohanan Sukan Pantai disandang Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) dengan membolot dua emas, satu perak, satu gangsa dan bagi permainan kayak antara fakulti dimenangi oleh Fakulti Pengurusan Industri (FIM) dengan memperoleh tiga emas dan tiga perak.



Disediakan oleh Nur Adam Maximillian, Pegawai Sukan Pusat Sukan dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat PNC.